

# Mahathir mahu rakyat 'keluar meneroka dunia'

Ⓟ Mahathir - overseas trips

U.N. 23 SEPT 1991

CANCUN (Mexico) 22 Sept. — Perdana Menteri Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad mengakhiri lawatan rasminya ke Mexico hari ini dengan harapan rakyat Malaysia akan 'keluar meneroka dunia' untuk mencari peluang-peluang baru sebagai persediaan menghadapi cabaran masa depan.

Sambil menyifatkan lawatan lima harinya sebagai sangat berfaedah, beliau menegaskan: "Kita tidak akan sampai ke mana jika kita hanya duduk di rumah (Malaysia) sahaja."

Sungguhpun sesebuah negara itu jauh, katanya, usaha hendak-

## Daripada Khalid Mohd.

lah dibuat untuk mencari hubungan baru, rakan dagangan baru dan juga pasaran baru.

"Tiada apa yang boleh dimulakan dengan hanya duduk di rumah dan mengharapkan orang akan datang kepada kita," ujar beliau kepada para wartawan Malaysia di akhir lawatannya ke Mexico. Esok, Perdana Menteri berlepas ke New York untuk menghadiri Perhimpunan Agung Bangsa-

Bangsa Bersatu.

Dato' Sri Dr. Mahathir yang sebelum ini melawat Argentina, Chile dan Brazil dalam misi mencari pasaran dan peluang dagangan baru mengingatkan Malaysia adalah sebuah negara yang masih tidak begitu dikenali dan usaha yang bersungguh-sungguh hendaklah dibuat oleh orang-orang Malaysia sendiri, "bukan menunggu orang datang kepada kita."

"Semuanya bergantung kepada kita. Jika kita tidak bersungguh-sungguh orang akan pergi ke negara-negara jiran kita," ujarnya.

Perdana Menteri menarik perhatian, negara-negara Amerika Latin, bagi satu masa yang panjang, mengamalkan pasaran tertutup. Bagaimanapun sejak tiga tahun yang lalu mereka telah membuka pintu masing-masing dan menyertai negara-negara lain yang mengamalkan perdagangan bebas.

Oleh yang demikian, katanya, peluang untuk memasuki pasaran Amerika Latin kini semakin bertambah baik.

Malaysia, ujar Perdana Menteri, hendaklah mengambil kesempatan daripada perkembangan baru ini untuk bukan sahaja mengeksport bahan-bahan mentah ke benua ini tetapi juga barangan yang sudah dikilangkan.

"Semuanya bergantung kepada kita, sama ada kita hendak menembusi pasaran baru ini," katanya.

Dalam hubungan ini, beliau gembira dengan sikap ahli-ahli perniagaan Malaysia yang kini lebih terdedah kepada dunia per-

**LIHAT MUKA 2**

## PM MAHU RAKYAT 'KELUAR TEROKA DUNIA'

U.N. 23 SEPT 1991

niagaan di luar tanahair sendiri dan berani melangkah ke alam perniagaan yang lebih mencabar.

Sikap baru ini, kata Perdana Menteri, adalah lebih daripada lawatan-lawatan penerokaan yang mereka buat ke negara-negara yang pada satu masa dulu dianggap terlalu jauh untuk mengadakan apa juga hubungan.

Ditanya ke mana pula beliau akan 'teroka' selepas Amerika Latin, Dato' Sri Dr. Mahathir sambil tersenyum berkata: "Sekarang ini pun pinggan kita sudah penuh. Pada masa ini tentulah ahli-ahli perniagaan dan pelabur kita tidak mampu mengendalikan terlalu banyak dan kita tidak seharusnya melakukan sesuatu di luar kemampuan kita."

Apa yang perlu dilakukan sekarang, katanya, ialah menyusuli usaha-usaha yang telahpun dimulakan di negara-negara Amerika Latin.

Dato' Sri Dr. Mahathir juga memberitahu bahawa semasa beliau berada di sini kerajaan Mexico telah meluluskan satu pelaburan bagi pemrosesan minyak sawit dan mahu Malaysia menyertai pelaburan-pelaburan di sini.

Katanya, beliau yakin kerajaan Mexico bersungguh-sungguh hendakkan pelaburan Malaysia di sini dan Presiden Carlos Salinas sendiri meminta supaya perdagangan antara kedua-dua buah negara ditingkatkan.

Presiden itu juga, kata Dato' Sri Dr. Mahathir, nampaknya bersedia membenarkan Penerbangan Malaysia (MAS) terbang ke Mexico City.

Ditanya sama ada Malaysia kini sedang mengorak langkah ke arah menjadi negara pelabur pula, Perdana Menteri berkata, pelaburan di negara asing akan hanya dibuat bila dan jika keadaan memerlukan.